

AKTIVITI PAK-21


Bab 1 Janjang

Aktiviti: Susunan meja dan kerusi dalam restoran untuk pelanggan *Arrangement of tables and chairs in a restaurant for customers*


Arahan:

Instructions:

1. Murid-murid masing-masing dibahagikan kepada beberapa kumpulan dengan 5 atau 6 orang ahli dalam setiap kumpulan.
The students are divided into groups, with 5 or 6 members in each group, respectively.
2. Berdasarkan peraturan susunan meja dan kerusi yang telah ditetapkan, setiap kumpulan murid dikehendaki membuat simulasi susunannya dalam kelas seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah.
Based on the arrangement of tables and chairs that have been set, each group of students is required to simulate the arrangements in the class as shown in the diagram below.
3. Arahan untuk menyusun meja dan kerusi.
Instructions for arranging tables and chairs.
 - (a) Sebuah restoran di Ipoh menggunakan meja berbentuk segi empat sama untuk melayan pelanggannya. Jika setiap sisi meja diduduki oleh seorang pelanggan, berapakah bilangan pelanggan yang boleh duduk di setiap meja?
A restaurant in Ipoh uses square tables to serve its customers. If each side of the table can be seated by one person, how many customers can be seated at each table?
 - (b) Jika dua buah meja dengan ukuran yang sama disusun bersebelahan rapat-rapat seperti yang ditunjukkan dalam rajah (i), cari bilangan pelanggan yang boleh duduk dengan keadaan setiap sisi meja diduduki oleh seorang pelanggan.
If two tables of the same size are arranged side by side as shown in diagram (i), find the number of customers that can be seated such that each side of the table is occupied by one person.
 - (c) Jika tiga buah meja dengan ukuran yang sama disusun bersebelahan rapat-rapat seperti yang ditunjukkan dalam rajah (ii), cari bilangan pelanggan yang boleh duduk dengan keadaan setiap sisi meja diduduki oleh seorang pelanggan.
If three tables of the same size are arranged side by side as shown in diagram (ii), find the number of customers that can be seated such that each side of the table is occupied by one person.



(i)



(ii)

- (d) Dengan cara yang sama, jika empat buah meja dengan ukuran yang sama disusun bersebelahan rapat-rapat, cari bilangan pelanggan yang boleh duduk dengan keadaan setiap sisi meja diduduki oleh seorang pelanggan.
In the same way, if four tables of the same size are arranged side by side, find the number of customers that can be seated such that each side of the table is occupied by one person.
- (e) Adakah corak tempat duduk pelanggan seperti yang digambarkan di atas membentuk suatu janjang aritmetik? Terang dan bentangkan jawapan anda dalam kelas.
Does the pattern of seating customers described above form an arithmetic progression? Explain and present your answers in the class.
- (f) Bolehkah anda meramalkan bahawa bilangan pelanggan yang boleh duduk apabila 15 buah meja dengan ukuran yang sama disusun mengikut corak seperti yang dinyatakan di atas?
Can you predict the number of customers that can be seated when 15 tables of the same size are arranged according to the pattern described above?


Bab 5 Fungsi Trigonometri

Aktiviti: Menyelesaikan masalah trigonometri *Solve trigonometric problems*

Arahan:

Instructions:

1. Murid-murid masing-masing dibahagikan kepada beberapa kumpulan dengan 5 atau 6 orang ahli dalam setiap kumpulan.
The students are divided into groups, with 5 or 6 members in each group, respectively.
2. Setiap kumpulan murid diberi 20 minit untuk mencari penyelesaian bagi masalah seperti yang dinyatakan di bawah.
Each group of students is given 20 minutes to find the solution to the problem given below.
3. Rajah di bawah menunjukkan segi tiga bersudut tegak PQR dengan $QR = (6 \sin \theta)$ cm. Perimeter dan luas segi tiga bersudut tegak PQR masing-masing ialah P cm dan A cm².
The diagram shows a right-angled triangle PQR with $QR = (6 \sin \theta)$ cm. The perimeter and area of the right-angled triangle PQR are P cm and A cm² respectively.



- (a) Cari panjang sisi PR .
Find the length of side PR .
 - (b) Tunjukkan bahawa $A = 18 \sin \theta \cos \theta$.
Show that $A = 18 \sin \theta \cos \theta$.
 - (c) Nyatakan perimeter, dalam P cm, segi tiga bersudut tegak PQR dalam sebutan θ .
State the perimeter, in P cm, of the right-angled triangle PQR in terms of θ .
 - (d) Diberi $(P - 6)^2 - 6A = 18$, cari nilai θ untuk $0^\circ \leq \theta \leq 360^\circ$.
Given $(P - 6)^2 - 6A = 18$, find the value of θ for $0^\circ \leq \theta \leq 360^\circ$.
4. Terang dan bentangkan jawapan anda dalam kelas.
Explain and present your answers in the class.